



PENERANGAN... Prof Rasid (kiri) berbual mesra bersama dengan Tun Juhar (kanan).

Majlis Konvokesyen UMS ke-21 pada 23 hingga 25 November ini

N&T 5.11.2019 3
KOTA KINABALU: Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-21 yang akan diadakan pada 23 hingga 25 November ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Dr. Rasid Mail berkata seramai 4,156 graduan akan terlibat dalam majlis tersebut iaitu 4,034 graduan tempatan dan 122 graduan antarabangsa.

Beliau memaklumkan media selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Yang DiPertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin di Istana Negeri, pagi tadi.

Hadir sama dalam kunjungan itu, Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat, Dr. Jakaria Dasar, Penolong Pendaftar kanan, Victor Gondipon, Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik, Darwis Awang, Kurator Kanan, Mohod Hilmey Sali, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Kamisah Husin, Pegawai Kebudayaan Kanan, Alan James dan Pendaftar UMS Vina Zahriani Yusof.

CENDERAMATA ... Prof Rasid (tiga dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Tun Juhar (empat dari kiri) semasa kunjungan itu.

